

**PERANAN DAN SUMBANGAN MASYARAKAT  
ACEH DI KEDAH DARI TAHUN 1900-2000**

**HASLINDA BINTI HAJI HASAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**PERANAN DAN SUMBANGAN MASYARAKAT  
ACEH DI KEDAH DARI TAHUN 1900-2000**

**Oleh**

**HASLINDA BINTI HAJI HASAN**

**Tesis yang diserahkan**

**Untuk memenuhi keperluan bagi**

**Ijazah Doktor Falsafah**

**Mac 2017**

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**HASLINDA BINTI HAJI HASAN**

(P-OD0018/08/(R))

741219-02-5412

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur saya ke hadrat Ilahi kerana diberikan peluang dan kesempatan dalam menyiapkan tesis ini walaupun pada masa yang sama banyak cabaran yang harus ditempuhi. Kepada penyelia tesis yang prihatin dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat amat dihargai. Terima kasih kepada Dr. Azmah Abdul Manaf yang memberi pandangan dalam menambahbaik tesis ini. Tidak lupa juga kepada Allahyarham Prof. Madya Dr. Haji Mohd Isa bin Othman (2008-2013).

Terima kasih juga kepada semua staf di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, rakan-rakan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah Perlis, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah Darul Aman, masyarakat di Kampung Aceh, Yan, Kedah, sahabat di Aceh dan semua teman-teman seperjuangan serta mereka yang turut memberi bahan dan nasihat sepanjang pengkajian ini. Tidak dilupakan kepada bapa Haji Ishak bin Saad & emak Hajjah Ahmah binti Osman, ayahanda Haji Hasan bin Mahmud & bonda Hajjah Siti Asiah binti Osman serta suami Mohd Yusfadzillah bin Mohd Yusoff dan ke empat anakanda sebagai sumber inspirasi iaitu Damia Amirah, Afnan Dzikri, Muhammad Harith dan Dhia' Hannan yang setia menjadi pendamping ummi.

Sekian, terima kasih.

**HASLINDA HAJI HASAN**

## **JADUAL KANDUNGAN**

**HALAMAN**

### **PENGAKUAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI PETA</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>ABSTRAK</b>	xiv
<b>ABSTRACT</b>	xv

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kepentingan Kajian	14
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Pemasalahan Kajian	23
1.5 Dunia Melayu atau Nusantara	25
1.6 Sejarah Undang-undang Melayu	33
1.7 Konsep Aceh	38
1.8 Konsep Migrasi atau Perantauan	43
1.9 Nisan Aceh	49

1.10	Batasan Kajian	57
1.11	Kajian-Kajian Lepas	58
1.12	Metodologi dan Sumber Kajian	65
1.12.1	Proses Pengumpulan Data	66
1.13	Pengumpulan Maklumat	67
1.13.1	Sumber Pertama	67
1.13.2	Sumber Kedua	68
1.13.3	Temubual atau Wawancara	68
1.14	Kesimpulan	69

## **BAB 2 HUBUNGAN AWAL KEDAH-ACEH**

2.1	Pendahuluan	72
2.2	Kerajaan Kedah Zaman Awal	75
2.3	Kerajaan Aceh Zaman Awal	83
2.4	Hubungan Kerajaan Kedah-Aceh Sebelum 1700	86
2.5	Islam Di Kedah dan Aceh	99
2.6	Hubungan Dalam Bidang Pendidikan di Kedah-Aceh	107
2.6.1	Institusi Pondok	110
2.6.2	Pendidikan Formal dan Tidak Formal	116
2.7	Peranan dan Sumbangan Tokoh-Tokoh atau Ulama Aceh Di Kedah	120
2.7.1	Teungku Haji Ahmad Hasballah Indrapuri	123
2.8	Kesimpulan	127

<b>BAB 3</b>	<b>MIGRASI ORANG ACEH KE KEDAH 1900–2000</b>	
3.1	Pendahuluan	131
3.2	Permulaan Penghijrahan Aceh 1900 – 2000	135
3.3	Migrasi Suku-suku Melayu dari Nusantara Ke Kedah	143
3.3.1	Orang Banjar	144
3.3.2	Orang Jawa	146
3.3.3	Orang Patani	151
3.4	Faktor Penarik dan Penolak Migrasi Aceh ke Kedah	153
3.5	Kesimpulan	161
<b>BAB 4</b>	<b>KESAN PENEMPATAN ORANG ACEH KE ATAS SOSIOEKONOMI KEDAH</b>	
4.1	Pendahuluan	163
4.2	Pengekalan Identiti Orang Aceh	165
4.3	Proses Asimilasi	167
4.4	Pendidikan	168
4.4.1	Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee	172
4.4.2	Teuku Abdul Djalil	180
4.5	Kesan Dan Sumbangan Orang Aceh Dari Aspek Sosioekonomi	185
4.6	Masyarakat Aceh Di Langkawi	199

4.7	Kesimpulan	203
-----	------------	-----

**BAB 5                    POLITIK DAN PENTADBIRAN DI KEDAH  
: SUMBANGAN ORANG ACEH**

5.1	Pendahuluan	207
5.2	Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman	208
5.3	Pentadbiran Daerah Yan, Kedah	212
5.4	Pentadbiran Peringkat Kampung	221
5.4.1	Institusi Penghulu	221
5.4.2	Majlis Ketua Kampung dan Peranan Ketua Kampung	223
5.5	Tokoh Politik Aceh	224
5.6	Kesimpulan	228

**BAB 6                    KESIMPULAN                    231**

**BIBLIOGRAFI                    238**

**LAMPIRAN                    272**

## **SENARAI JADUAL**

## **HALAMAN**

Jadual 3.1	Populasi penduduk mengikut kaum pada tahun 1911.	142
Jadual 5.1	Taburan penduduk mengikut kaum.	211
Jadual 5.2	Komposisi penduduk mengikut pembahagian kaum.	217
Jadual 5.3	Taburan kemudahan pendidikan di daerah Yan 2006 .	218
Jadual 5.4	Senarai nama Penghulu.	222

## **SENARAI GAMBAR**

## **HALAMAN**

Gambar 1.1	Nisan Aceh, Sultan Muzaffar Shah di Pangkalan Bujang, Kedah.	52
Gambar 1.2	Batu nisan Aceh 1 seorang wanita.	54
Gambar 1.3	Batu nisan Aceh 2 milik seorang lelaki.	54
Gambar 1.4	Batu nisan Aceh 3 milik seorang lelaki iaitu Tok Surau.	55
Gambar 2.1	Pondok pada tahun 1900-an di Kampung Aceh iaitu tempat tinggal pelajar.	122
Gambar 2.2	Penggunaan nama ulama Aceh di papan tanda jalan masuk ke kampung iaitu Lorong Tengku Di Balei.	122
Gambar 2.3	Nama lorong Tengku Syik Lam U.	123
Gambar 4.1	Teungku Hj. Muhammad Hasan Krueng Kalee.  Beliau merupakan keturunan ketujuh dalam salasilah Keluarganya (dikenali Ulama Tujuh Keturunan).	173
Gambar 4.2	Menasah al-Irsyadi di Kampung Aceh, Yan Kedah.	174
Gambar 4.3	Papan tanda penubuhan Menasah pada tahun 1902.	174
Gambar 4.4	Pandangan dalam menasah.	175
Gambar 4.5	Dayah Darul Ihsan yang terkini di Aceh Darussalam.	177
Gambar 4.6	Dayah atau sekolah agama yang dibangunkan semula selepas Tsunami 2004.	177

## **SENARAI GAMBAR**

## **HALAMAN**

Gambar 4.7	Papan tanda di makam Teungku Hj. Muhammad Hasan Krueng Kalee.	178
Gambar 4.8	Makam Tengku Hj. Hasan Krueng Kalee.	178
Gambar 4.9	Sistem pendidikan tradisi masih dikekalkan walaupun silihurusan baru diperkenalkan sesuai dengan tuntutan zaman.	180
Gambar 4.10	Sebilangan guru-guru yang mengajar di sekolah atau Dayah Darul Ihsan.	180
Gambar 4.11	Pandangan sisi hadapan iaitu sebahagian dari bangunan Dayah Darul Ihsan.	181
Gambar 4.12	Masjid milik Dayah Darul Ihsan yang dibiayai oleh negara Turki selepas peristiwa Tsunami. Reka bentuk masjid seperti Masjid Biru di Turki.	181
Gambar 5.1	Bangunan sekolah menengah agama Maktab Mahmud.	220
Gambar 5.2	Bangunan sekolah Maktab Mahmud yang lebih moden.	220

**SENARAI RAJAH**

**HALAMAN**

Rajah 3.1      Logo Kampung Kuala Merah di Baling, Kedah      150

## **SENARAI PETA**

## **HALAMAN**

Peta 1.1	Negeri Kedah Darul Aman.	7
Peta 1.2	Peta Malaysia	8
Peta 1.3	Peta Tiga daerah atau tempat utama kajian yang ada hubungan dengan Kedah iaitu Kampung Pande, Keudah dan Peulanggahan.	13
Peta 3.1	Lokasi Penempatan orang Jawa di Kedah.	149
Peta 5.1	Geografi Daerah Yan.	215

## **SENARAI SINGKATAN**

Dewan Bahasa dan Pustaka	DBP
Halaman	hlm
Hijrah	H
<i>Journal Malayan Branch of Royal Asiatic Society</i>	JMBRAS
<i>Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>	MBRAS
Masihi	M
<i>Non Governmental Organization</i>	NGO
<i>Journal of Asiatic Society of Bengal</i>	JASB
Parti Islam Se-Malaysia	PAS
Parti Keadilan Rakyat	PKR
<i>United Malayan Nation Organization</i>	UMNO
Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid	SMSAH
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	SUK
Universiti Malaya	UM
Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
Universiti Sains Malaysia	USM
Universiti Utara Malaysia	UUM

## **SENARAI LAMPIRAN**

## **HALAMAN**

Lampiran 1	Keratan Akhbar mengenai Pesta buru harta karun di Aceh	272
Lampiran 2	Arkib - Pengaruh fahaman Wahabi di Mekah	273
Lampiran 3	Encik Miftachhuddin Cut Adek ditemubual.	275
Lampiran 4	Salasilah Keturunan Encik Abu Bakar Bin Shafie	276
Lampiran 5	En. Abu Bakar b. Shafie dan Dr. Husaini Ibrahim yang ditemubual di UNSYIAH.	277
Lampiran 6	En. Razali Chaidar Ketua Kampung Keudah dan bahagian hadapan pejabat ketua kampung.	278
Lampiran 7	Surat Nyak Gam kepada pejabat tanah mengenai permohonan tanah untuk dibina masjid, tanah perkuburan dan taman permainan.	279
Lampiran 8	Majalah Narit Geutanyo	280
Lampiran 9	Salasilah Keluarga Haji Muda (NyakLampoh)	282
Lampiran 10	Salasilah Keluarga Nyak Ubit	283

**PERANAN DAN SUMBANGAN MASYARAKAT ACEH DI KEDAH DARI**  
**TAHUN 1900-2000**

**ABSTRAK**

Hubungan Kedah-Aceh mempunyai sejarah yang unik dan bermula sejak dari tahun 1600-an M. Masyarakat Aceh mula bermigrasi dan bermukim di beberapa daerah di Kedah dan akhirnya membentuk komuniti masyarakat Aceh. Kajian ini mengenalpasti peranan dan sumbangan masyarakat Aceh di negeri Kedah. Penilaian kepada peranan dan sumbangan masyarakat Aceh dari segi sosial iaitu dalam aspek agama dan intelektual, ekonomi dan politik di negeri Kedah serta mengenalpasti fenomena penghijrahan orang Aceh dari aspek sejarah dan hubungan silam di negeri Kedah adalah tumpuan kajian ini. Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data dari sumber primer iaitu dari Arkib Negara Malaysia dan Aceh serta temubual bersama penduduk Aceh yang masih mempunyai saudara-mara yang menetap di Kedah. Dapatan kajian mendapati setelah mereka menetap di Yan, Langkawi dan beberapa daerah lain maka penglibatan masyarakat Aceh dalam aktiviti kemasyarakatan di negeri Kedah meningkat. Ekonomi masyarakat Aceh juga mantap apabila mengusahakan tanah pertanian, perniagaan, pemilikan harta. Dalam aspek politik pula, kajian mendapati mereka berjaya menjawat jawatan dalam kerajaan dan swasta. Solidariti dan semangat patriotik yang tinggi serta kejayaan ramai tokoh Aceh di bidang sosial, ekonomi dan politik menjelaskan peranan yang telah dicorakkan dalam sejarah negeri Kedah. Akhir sekali berlakunya asimilasi dan pemupukan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat tempatan.

**THE ROLE AND CONTRIBUTION OF ACEHNESE IN KEDAH FROM  
1900 – 2000**

**ABSTRACT**

Kedah-Aceh relation has a very unique history and dated from as early as 1600. Since then, Acehnese descendants started to reside in several districts and established the Acehnese community in Kedah. This study examines the role and contributions of the Acehnese in Kedah. This research seeks to assess the role of and contributions of the Acehnese in the social context, particularly the religious and intellectual context in Kedah, discuss the history of the phenomenon of the Acehnese migration, examine the economic development of the Aceh community and the contributions to the economy of Kedah, and to analyze the political role and political contributions of the Acehnese descendants in Kedah. This study is qualitative in nature and the data were collected based on primary sources which include academic documents from archives in Malaysia and Aceh, and interviews in Aceh with the Acehnese who still have relatives residing in Kedah. The findings show that after residing in Yan, Langkawi and several other districts, the Acehnese involvement in the community activities were more significant. Findings indicated that they were involved in social aspects including educational, intellectual, cultural and philosophical fields. The Acehnese were also strong economically as they ventured into agriculture, business and property ownership. In addition, they also showed success in politics and they held important ranks in the government and private sector. Solidarity, patriotism and the success of Acehnese individuals showed that they played multiple roles in the history of Kedah. Today the Acehnese have

assimilated themselves with the locals and they have their own roles to play in the community.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Asia Tenggara<sup>1</sup> (AT) merangkumi negara-negara Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam dan Timor Leste. Indonesia pula merupakan negara kelima yang mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai di dunia dan merangkumi 40 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Asia Tenggara.<sup>2</sup> Masyarakat bumiputera dan orang Melayu di Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, Singapura, Selatan Thailand, Madagascar dan negara-negara di Selatan Lautan Pasifik adalah terangkum dalam rumpun besar Austronesia atau Melayu-Polinesia.<sup>3</sup> Asia Tenggara juga dikenali dengan pelbagai nama seperti gugusan Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*), gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara<sup>4</sup>, Alam Melayu dan Tanah Jawi. Ras Austronesia ini kemudiannya mendominasi penerokaan dan kependudukan di Alam Melayu yang juga disebut sebagai Nusantara. Oleh itu, penghijrahan perantau Melayu ini di seluruh AT dicetus atas kehendak ekonomi iaitu hubungan serantau melalui aktiviti

---

<sup>1</sup> Nama Asia Tenggara sebagai satu entiti politik hanya muncul selepas Perang Dunia Kedua (PD II). Dalam Persidangan Quebec pada Ogos 1943, pakatan Barat telah memutuskan untuk mengasingkan *South East Asia Command* (SEAC) yang meliputi Burma, Tanah Melayu, Sumatera dan Thailand. Seterusnya semasa Persidangan Portsdam pada Julai 1945, tanggungjawab SEAC diperluaskan sehingga ke Hindia Timur Belanda dan Indochina hingga ke selatan sehingga ke garisan 16 darjah. Wilayah yang tidak termasuk dalam lingkungan tanggungjawab SEAC ialah Filipina, Laos dan Vietnam Utara. Lihat N. Tarling (pyt.), 1999, *The Cambridge History of Southeast Asia, From World War II to the Present*, Volume 4, Cambridge University Press, hlm 256.

<sup>2</sup> Rohani Hj. Ab. Ghani, 2009, “Dasar British Terhadap Indonesia 1945-1967”, Tesis PhD, UKM, hlm 2.

<sup>3</sup> Affifudin Hj. Omar, 2014, *Melayu Permasalahan Politikal-Ekonominya Sepanjang Zaman*, Afif Books Sdn. Bhd, KL, Malaysia, hlm 15.

<sup>4</sup> Sumber paling tua yang memberikan pengertian kepada Nusantara pada zaman lampau ialah *Nagarakertagama*, iaitu sebuah puisi yang dikarang oleh pendeta Majapahit bernama Prapanca pada tahun 1365. Berdasarkan *Nagarakertagama*, sebelum abad ke 15 Masih, Pahang, Langkasuka, Saimwang, Kelantan, Terengganu, Johor, Paka, Muar, Dungun, Tumasik, Kelang, Kedah, Jelai dan Kanjapiniran tidak dinamakan wilayah Melayu, tetapi dikenali sebagai Hujung Medini.

perdagangan sama ada sesama mereka atau antarabangsa. Penghijrahan mereka untuk mendapatkan taraf hidup yang lebih baik dan selamat kemudiannya diikuti oleh aktiviti berpindah-randah di pesisir pantai, di muara-muara sungai, bercucuk tanam dan menjalankan aktiviti penternakan di samping mendapatkan hasil-hasil hutan yang mewah.

Hasil kajian seorang sarjana dari Sri Lanka<sup>5</sup> pada tahun 1980-an dahulu menyatakan Asia Tenggara termasuklah Alam Melayu dianggap sebagai kawasan bermulanya kehidupan manusia bertamadun atau *the cradle of human civilization*.<sup>6</sup> Dengan kata lain, mereka ialah pengasas masyarakat bertamadun Alam Melayu sejak kira-kira dua ribu tahun dahulu dan telah mendirikan beberapa buah kerajaan feudal yang besar dan kuat selama lebih 1500 tahun.<sup>7</sup>

Kurun ke-15 menyaksikan orang Melayu antara manusia yang terawal menguasai lautan di sebelah timur, bukan sekadar sebagai pelayar dan pelaut tetapi menguasai ilmu dan jaringan perdagangan jarak jauh. Mereka mampu dan berjaya menguasai lautan atas kemampuan membina perahu-perahu layar atau perahu bersayap (*outrigger boat*) yang mampu merentas selat dan lautan besar. Bukti-bukti terkini dari segi arkeologi memberikan petanda bahawa bangsa Melayu sudah berada di Nusantara Melayu seawal 35,000 tahun yang lalu. Bagi Wan Hashim, Alam

---

<sup>5</sup> De Silva, 1981, *The History of Sri Lanka*, New Delhi: Oxford University Press, hlm 2.

<sup>6</sup> Profesor de Silva menyatakan kehidupan bertamadun ini ialah pada zaman Neolitik atau *New Stone Age* yang bermula di Alam Melayu pada sekitar 15,000 S.M. Menurut Wan Hashim Wan Teh, pandangan De Silva ini bersamaan dengan dapatan oleh Profesor Oppenheimer yang menggunakan kaedah DNA yang menyebut bahawa manusia yang berhijrah ke luar dari Afrika tiba di Alam Melayu lebih awal dari ketibaan manusia di Eropah dan di benua China.

<sup>7</sup> Abdul Rahman Embong, 2000, *Negara Bangsa Proses dan Perbahasan*, Penerbit UKM, Bangi, hlm 28.

Melayu ini adalah asalnya bangsa Melayu.<sup>8</sup> Ini bermakna bangsa Melayu adalah berasal dari wilayah ini.

Tanah Melayu terletak dalam lingkungan garis bujur  $100^{\circ}\text{T}$  hingga  $104^{\circ}\text{T}$  dan dalam lingkungan garis lintang  $1^{\circ}20^{\prime}\text{U}$  hingga  $6^{\circ}40^{\prime}\text{U}$ . Semenanjung Tanah Melayu mempunyai keluasan kira-kira 131,297 km persegi. Tanah Melayu bersempadan dengan Selat Melaka dan Sumatera di bahagian barat dan Laut China Selatan di sebelah timur manakala Thailand di bahagian utara.<sup>9</sup>

Indonesia pula terletak di sepanjang garisan Khatulistiwa antara bahagian hujung Tanah Besar Asia Tenggara dengan Australia. Oleh itu, kedudukan Indonesia kelihatan seperti sebuah jambatan antara benua Asia dengan Australia. Indonesia menganjur kira-kira 5543 km dari arah timur ke barat dan 1272 km dari utara ke selatan.<sup>10</sup> Suatu ketika dahulu Indonesia pernah menamakan negara mereka sebagai “Nusantara” yang membawa maksud Kepulauan Indonesia.<sup>11</sup> Sebahagian besar Kepulauan Indonesia terletak di bahagian selatan garisan Khatulistiwa. Indonesia mempunyai keluasan kira-kira 1.9 juta km persegi yang meliputi 13,667 buah pulau.<sup>12</sup> Manakala Aceh merupakan salah sebuah negeri yang terletak dalam negara itu.

---

<sup>8</sup> Wan Hashim Wan Teh, 1995. “Migrasi dan Asal Usul Ras Melayu.” dalam *PEMIKIR* bil. 1/1995, hlm 28-29.

<sup>9</sup> A.J.F. West dan J. Rose, 1969, *Southeast Asia with Malaysia and Singapore*, London: University of London Press, hlm 41.

<sup>10</sup> *Ibid*, hlm. 3.

<sup>11</sup> *Encyclopedia Britannica*, Vol. 12, 1953, hlm 265; Lihat juga Septy Ruzui, 1968, *A Survey of Relation Between Indonesian, Malay and Some Philippine Languages*, DBP, Kementerian Pelajaran Malaysia, KL, hlm. 33.

<sup>12</sup> A. Zainuddin, 1968, *A Short History of Indonesia*, Melbourne: Cassell Australia, hlm 3.

Merujuk kepada Kedah pula, ia merupakan negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia dengan keluasan negeri seluas 9,425 km persegi. Kedah adalah negeri keenam terbesar di Malaysia<sup>13</sup> dan mengalami iklim monsun khatulistiwa dengan menerima purata hujan 2,000 mm hingga 2,500 mm setahun.<sup>14</sup> Negeri Kedah menganjur dari sempadan selatan Thailand dan Perlis di utara manakala ke selatan bersempadan Pulau Pinang dan Perak.<sup>15</sup> Negeri ini mempunyai beberapa pulau seperti Langkawi dan pulau-pulau kecil di selatan menghampiri Pulau Pinang. Kebanyakan pulau-pulau ini penting dari sudut perikanan seperti Pulau Songsong, Pulau Bunting, Pulau Telor, Pulau Bidan, Pulau Paya dan Pulau Lembu. Kesemua pulau ini terletak di sekitar perairan Pulau Langkawi yang pada keseluruhannya memiliki 99 buah pulau.<sup>16</sup>

Ibu negeri Kedah ialah bandaraya Alor Setar yang sedang membangun diikuti oleh beberapa buah bandar lain seperti Sungai Petani, Kulim, Jitra dan Kuah di Langkawi. Bentuk muka bumi Kedah terdapat tiga kemuncak tertinggi iaitu Gunung Jerai (1215 meter), Bukit Perak (860 meter) di darat negeri dan Gunung Raya (899 meter) di Pulau Langkawi.<sup>17</sup> Negeri Kedah mempunyai lanskap yang ideal iaitu ditunjangi oleh bukit bukau dan diikuti oleh hamparan tanah pamah yang luas. Tanah pamah menganjur dari kaki Gunung Jerai sehingga ke barat laut sempadan Kedah

<sup>13</sup> *Kedah Bertambah Maju Kemajuan Lima Tahun 1961-1965*, 1965, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Kedah Dengan Kerjasama Pejabat Kerajaan Negeri Kedah, Alor Setar, hlm 4; lihat juga Affifudin Hj. Omar, *Regional Approach To Development The MADA Case*, MADA, hlm 37. (tanpa tarikh); lihat juga Unit Perancang Ekonomi Kedah, 1996 (tanpa tarikh).

<sup>14</sup> *Persekutuan Tanah Melayu*, 1960, Kemajuan Lima Tahun Pertama, hlm 5; Lihat juga I.F.T. Wong, *Land Use Report Of Kedah Division Of Agriculture*, Ministry Of Agriculture And Co-operatives Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 12; Lihat juga Zaharah Hj. Mahmud, “The Evolution Of Population And Settlement In The State Of Kedah”, dalam Asmah Hj. Omar (Peny.), 1979, *Darulaman: Essays On Linguistic And Socio-Economic Aspects Of The Malaysia State Of Kedah*, Kuala Lumpur, UM Press, hlm 20; Lihat juga *Atlas Moden Malaysia dan Dunia*, 1992, KL: Fajar Bakti Sdn Bhd, hlm 12.

<sup>15</sup> Mohd Kasri Saidon, 2012, “Penanaman Padi di Kedah 1840-2000: Satu Kajian Tentang Impak Ekonomi, Sosial dan Politik”, tesis PhD, USM, Pulau Pinang, hlm 29.

<sup>16</sup> Khairool Anuar Hj. Hashim, 2015, “Dasar Ekonomi Baru (DEB): Pelaksanaan, Perkembangan dan Kesan Ke Atas Masyarakat Petani Kedah 1971-1990”, Tesis PhD, USM, hlm 4.

<sup>17</sup> *Ibid*, hlm 30.

dengan Perlis. Jenis tanah yang terdapat di sini ialah tanah alluvium yang subur untuk kegiatan pertanian terutamanya tanaman padi.<sup>18</sup>

Lanskap geografi telah membentuk aliran sungai utama dan sungai kecil di setiap daerah. Sungai utama Kedah iaitu Sungai Muda yang memisahkan Kedah dengan Seberang Perai.<sup>19</sup> Manakala Sungai Krian pula menjadi sempadan di antara Kedah dengan negeri Perak. Sungai-sungai kecil yang terdapat di Kedah ialah Sungai Bata (Kubang Pasu), Sungai Pedu, Sungai Teliang, Sungai Padang Terap (Padang Terap), Sungai Chepir (Sik), Sungai Punti, Sungai Sedim (Kulim), Sungai Ketil (Baling) dan Sungai Merbok (Kuala Muda). Aliran-aliran sungai kecil ini bersambung dengan sungai utama seperti Sungai Kedah dan juga Sungai Muda yang mengalir dari timur laut ke barat Kedah terus ke Selat Melaka.

Dari segi sejarah, Kedah telah diiktiraf oleh para sejarawan sebagai negeri yang paling tua di antara 13 buah negeri lain di Malaysia. Rajanya merupakan pemerintah yang paling awal memeluk agama Islam dalam sejarah pengislaman raja-raja dan rakyat Tanah Melayu. Mengikut sejarawan sejarah tanahair, Kedah menerima Islam dalam tahun Masihi 1136.<sup>20</sup>

Menurut Ismail Haji Saleh, ibu negeri Kedah pada awal kedatangan Islam ialah Bukit Meriam dan pada masa itu Kedah diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah yang juga merupakan Sultan Kedah yang pertama. Ibu negeri Kedah kemudiannya berpindah ke Sungai Emas. Tapak pusat pemerintahan Sungai Emas ini telah

<sup>18</sup> Jabatan Pemetaan Oxford University Press dan Fajar Bakti Sdn. Bhd, *Atlas Progresif Fajar Bakti*, 1987, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm 12.

<sup>19</sup> *Ibid*, hlm 12.

<sup>20</sup> Ismail Hj.Saleh, *Siputih Kedah Tua*, Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, hlm 1 (tanpa tahun).

meninggalkan banyak kesan arkeologi yang membuktikan kewujudan hubungan erat dengan Timur Tengah dan tamadun Islam. Selanjutnya pada tahun 1323, ibu negeri Kedah kemudiannya berpindah lagi ke Siputih. Keistimewaan Kota Siputih dari sudut kedudukannya yang terletak di tengah-tengah negeri Kedah ketika itu. Menurut Ismail Haji Saleh lagi 600 atau 700 tahun dahulu, jumlah keluasan negeri Kedah adalah lebih besar dari sekarang iaitu meliputi dari Sungai Terang di Thailand hingga ke sempadan Melaka dan Beruas di selatan. Banjaran Gunung Bintang ialah sempadan sebelah timur dan di sebalik banjaran tersebut adalah negeri Patani. Kota Siputih dikatakan berada di tengah-tengah kawasan yang amat luas itu.<sup>21</sup> Kota ini merupakan tempat bersemayamnya tujuh orang sultan Kedah dan seramai enam orang daripada mereka yang dimakamkan di sini sementara Sultan Sulaiman yang merupakan pemerintah terakhir telah mangkat di Aceh semasa menjadi tawanan. Perkembangan selanjutnya memperlihatkan ibu negeri Kedah berpindah ke Kota Naga. Akhirnya pada tahun 1736, Alor Setar dipilih menjadi ibu negeri yang ketujuh dan berkekalan hingga sekarang. Peta di sebelah menunjukkan kedudukan negeri Kedah dalam peta Malaysia.

---

<sup>21</sup>Ibid, hlm 14.



Peta 1.1: Negeri Kedah Darul Aman<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup><http://mmk.kedah.gov.my/index.php/site-map/kedudukan-negeri>

Manakala peta di bawah pula adalah bagi negara Malaysia dan kedudukan Alor Setar di utara merupakan ibu negeri Kedah Darul Aman.



Peta 1.2: Peta Malaysia<sup>23</sup>

Dalam sejarah moden kini pemerintahan negeri Kedah terbahagi kepada 12 daerah pentadbiran iaitu, Kota Setar, Kubang Pasu, Yan, Pokok Sena, Pendang, Padang Terap, Kulim, Sik, Baling, Langkawi, Kuala Muda dan Bandar Baharu. Faktor geografi negeri Kedah yang terdiri daripada kawasan tanah pamah yang subur telah membolehkan ia berubah daripada kerajaan perdagangan maritim kepada

<sup>23</sup><http://www.worldatlas.com/webimage/country/asia/lcolor/mycolor.htm> (Diakses pada 26 Januari 2017).

kerajaan *agrarian* (pertanian). Tumpuan utama pertanian negeri Kedah adalah penanaman padi. Kemerosotan tamadun maritim di Kedah pada abad ke 16 menyebabkan kegiatan ekonomi beralih kepada sektor pertanian. Merujuk kepada perkara ini Burnhill berpandangan seperti berikut:

*The major focus of settlement was a broad belt of wet rice land extending from the Perlis hills in the north to the foot of Kedah Peak in the south. On the west the rice boundary lay probably at about two to four miles from the coast, the intervening area are still being largely in mangrove. To the east, hills and plain interdigitated, with both wet rice and shifting cultivation in the valleys and shifting cultivation only the hills.<sup>24</sup>*

Kawasan tanah pamah ini bermula dari kaki Gunung Jerai sehingga ke sempadan negeri Perlis dengan keluasan hampir 300,000 ekar.<sup>25</sup> Kepentingan Gunung Jerai juga pada masa dahulu merupakan petanda atau petunjuk bagi pelayaran kapal-kapal yang melalui dan masuk ke Kedah kerana pada masa itu gunung tersebut merupakan sebuah pulau yang di kelilingi lautan. Kini ia telah berubah menjadi daratan dan Gunung Jerai menjadi salah satu pusat pelancongan di Kedah.

Merujuk kepada negeri Aceh Darussalam, dari aspek geografi, ia terletak di antara  $2\text{--}6^\circ$  Lintang Utara dan  $95\text{--}98^\circ$  Bujur Timur di sebelah utara berbatasan dengan Selat Melaka. Sementara itu berada di sebelah barat dan selatan dengan Samudera di India dan di sebelah timur dengan wilayah Sumatera Utara dengan

---

<sup>24</sup> Burnhill, *The North-West Kedah And Perlis*, Arkib Negara Cawangan Kedah/ Perlis, hlm 18. (tanpa tarikh).

<sup>25</sup> Affifudin Omar, 1981, "Penanaman Padi Di Kedah: Sejarah Peranan Dalam Ekonomi Negeri Kedah", *kertas kerja dalam Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, 28 Nov-1 Dis, hlm 8.

keseluruhan keluasannya kira-kira 57,365,57 km<sup>2</sup>.<sup>26</sup> Aceh terletak dalam wilayah Kepulauan Melayu yang berdekatan dengan Benua Kecil India dan Asia Barat.<sup>27</sup> Aceh mempunyai empat suku utama iaitu suku Aceh, Gayo, Alas dan Tamiang.<sup>28</sup>

Dalam aspek ekonomi, tidak dapat dinafikan bahawa Aceh merupakan sebuah negeri yang kaya dengan hasil pertanian dan terkenal sebagai pusat perdagangan terpenting di utara Pulau Sumatera.<sup>29</sup> Semasa penjajahan Belanda, keluasan Aceh dianggarkan sebanyak 31,715 km persegi daripada jumlah keluasan Sumatera. Kini luas wilayah Aceh adalah 57,365,57 km<sup>30</sup> yang meliputi kawasan hutan, tanah pertanian, padang rumput, kota, kampung, danau, sungai, bukit dan pergunungan. Bandar utama di negeri ini ialah Banda Aceh dahulu dikenali juga sebagai Kutaraja yang merupakan ibu kota negeri Aceh Darussalam. Manakala wilayah Pidie terkenal sebagai kawasan perantau kerana sebahagian besar dari penduduknya merupakan mereka yang keluar merantau dan telah berjaya membina kehidupan di perantauan. Pidie juga merupakan kawasan penanaman padi yang terbesar di Aceh. Negeri ini juga mempunyai corak geografi yang hampir sama dengan negeri Kedah iaitu mengalami dua musim iaitu musim kemarau dan hujan.

---

<sup>26</sup> Pocut Haslinda Syahrul MD H.Teuku Abdul Hamid Azwar (waris Tun Sri Lanang ke 8 Samalanga), 2008, *Silsilah Raja-Raja Islam Di Aceh Dan Hubungannya Dengan Raja-Raja Islam Di Nusantara*, Naggroe Aceh Darussalam, hlm 3.

<sup>27</sup>John Crawfurd, 1974, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands & Adjacent Countries*, New Delhi: Chaukhambha Orientalia, hal 2; lihat juga Bieber (trans), 1879, “Geography of Achin”, *Royal Asiatic Society Branch (JSBRAS)*, No. 3, hlm 120-123.

<sup>28</sup>Pocut Haslinda Syahrul MD H.Teuku Abdul Hamid Azwar (waris Tun Sri Lanang ke 8 Samalanga), 2008, *Silsilah Raja-Raja Islam Di Aceh Dan Hubungannya Dengan Raja-Raja Islam Di Nusantara*, hlm 3.

<sup>29</sup> C.O 273/1: Straits Settlements 1838-1858 Miscellaneous juga ada membincangkan mengenai kerajaan Aceh sehingga pemerintahan Sultan Jauhar al-Alam, f. 95-145 dalam buku Salina Zainol, 2005, *Hubungan Perdagangan Aceh dengan Pulau Pinang*, KL: Universiti Malaya, hlm 5.

<sup>30</sup> Muliadi Kurdi, 2009, *Aceh Di Mata Sejarawan Rekonstruksi Sosial Budaya*, diterbitkan oleh LKAS dan Pemerintah Aceh 2009, Banda Aceh, hlm 1.

Di Aceh terdapat sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Krueng Aceh sepanjang 10 km yang merentangi kota Banda Aceh dan telah berpecah menjadi dua bahagian di utara dan di selatan. Sungai ini memiliki nilai sejarah yang tinggi dan berada di pusat Kota Banda Aceh yang bermuara di Kampung Pande, Kecamatan Kutaraja,<sup>31</sup> Kota Banda Aceh. Dari segi sejarah, Kampung Pande merupakan penempatan penduduk pertama di Banda Aceh yang dibuka oleh Sultan Alaidin Johan Syah<sup>32</sup> pada 22 April 1205 setelah berjaya menakluki Kerajaan Hindu-Buddha Indra Purba dengan ibu kotanya yang dikenali sebagai Bandar Lamuri.

Kampung Pande merupakan salah satu kawasan penempatan tertua di Kota Banda Aceh. Di sini terdapat makam raja-raja Aceh dengan ukiran aksara Arab yang membuktikan ia didiami oleh para bijak pandai termasuklah tukang batu dan besi.<sup>33</sup> Para arkeologis dan ahli-ahli sejarah pernah melakukan penelitian terhadap batu-batu nisan di kompleks pemakaman tersebut dan mendapati salah satu batu nisan adalah milik Sultan Firman Syah iaitu cucu Sultan Johan Syah.<sup>34</sup> Di makam tersebut tercatat ukiran yang bertulis “hari Jumaat tanggal 1 Ramadhan tahun 610 Hijriah atau 22 April 1205 Masehi”.

---

<sup>31</sup> Pengkaji mendapati ejaan dalam rujukan arkib di Aceh dan buku-bukunya ada yang menulis sebagai Kuta Raja atau Kutaraja yang membawa maksud tempat yang sama.

<sup>32</sup> Menurut Husaini, sejarawan Aceh yang mengkaji tentang nisan Aceh termasuklah makam raja-raja di Kampung Pande adalah milik cucu-cucu daripada Sultan Alaidin Johan Syah (1203-1234), iaitu pengasas Kerajaan Aceh Darussalam dan termasuklah juga nisan-nisan keluarga dari Sultan Mahkota Alam yang hidup pada abad ke 15 M. Kajian beliau mengenai nisan aceh dari sudut arkeologi boleh dirujuk dalam Husaini Ibrahim, 2010, “Awal Islam di Aceh: Aalisis Arkeologi dan sumbangannya Kepada Nusantara”, Tesis PhD, USM, hlm 88.

<sup>33</sup> *Ibid*, hlm 87.

<sup>34</sup> Berdasarkan salasilah Sultan Aceh, Sultan Johan Shah memerintah pada awal abad ke-13 sekitar tahun 1204 M yang terletak di Kampung Pande. Di Kampung ini juga terdapat banyak makam-makam purba misalnya yang dinamakan “Makam Tuan di Kandang” sebagai satu tapak sejarah purba. Rujuk Husaini Ibrahim, 2010, “Awal Islam di Aceh: Aalisis Arkeologi dan sumbangannya Kepada Nusantara”, Tesis PhD, USM, hlm 140.

Kecamatan Kuta Raja pula terletak di Kota Banda Aceh dan berkeluasan 53,495 km persegi, dengan jumlah penduduknya seramai 9,115 orang. Ia merupakan sebahagian dari kota Banda Aceh dengan jarak dua kilometer dari pusat pentadbiran Kampung Keudah.<sup>35</sup> Jenis-jenis pekerjaan masyarakat Kuta Raja hari ini terdiri daripada nelayan, pegawai kerajaan hinggalah ahli perniagaan yang berjaya. Menurut Husaini, hasil kajian yang dijalankan pada tahun 2006-2007 telah menemui sebuah batu nisan yang menggambarkan tradisi Megalitik di Kampung Pande dan merupakan batu nisan yang terawal digunakan iaitu sebelum abad yang ke-9 M lagi. Jumpaan ini membuktikan bahawa kampung tersebut merupakan lokasi terawal dalam penerimaan agama Islam bagi Aceh dan Asia Tenggara.<sup>36</sup> Misalnya Makam Putroe Ijo yang telah direkodkan sebagai makam keluarga bangsawan Aceh yang wujud sejak abad ke-17 lagi.<sup>37</sup> Kedudukan Kampung Pande adalah bersebelahan dengan Kampung Keudah. Peta di sebelah menunjukkan kedudukan kampung-kampung dalam Kacamatan Kutaraja. Kampung Pande<sup>38</sup> memiliki banyak nilai sejarah dan merupakan tempat pentadbiran yang kaya dengan emas dan aktif dalam perdagangan suatu ketika dahulu.<sup>39</sup>

---

<sup>35</sup> *Kecamatan Kuta Raja Dalam Angka 2011*, diterbitkan oleh Badan Pusat Statistik Kecamatan Kuta Raja. Sumber data statistik ini diperolehi dari katalog BPS 1102001.1171031 iaitu dalam bentuk CD.

<sup>36</sup> Husaini Ibrahim, 2010, “Awal Islam di Aceh: Aalisis Arkeologi dan sumbangannya Kepada Nusantara”, Tesis PhD, USM, hlm 89. Menurutnya lagi tapak arkeologi Islam di Kampung ini lebih tua dari tapak Samudera Pasai Aceh Utara dan Perlak. Bentuk batu nisan di sini adalah pipih bersayap bucra, empat segi panjang dan berbentuk silinder bertaburan merata tempat menjangkau puluhan hektar sehingga ke dalam laut. Jumpaan ini meliputi kawasan penempatan penduduk sehingga ke tepi laut dalam Selat Melaka.

<sup>37</sup> Herwandi, 2003, *Bungong Kalimah Kaligrafi Islam Dalam Bulatan Tasawuf Aceh (Abad Ke 16-18 M)*, Padang: Universitas Andalas, hlm 128. Beliau merekodkan nama ahli keluarga Sultan Alaidin yang dikebumikan di sini meliputi 32 makam dan selepas tsunami hasil survey pada 2007 hanya menjumpai 24 buah batu nisan yang bertaburan tanpa sebarang nama dan tarikh.

<sup>38</sup> Azhar Abdul Ghani memaklumkan bahawa sehingga 28.11.2013 masih terdapat banyak jumpaan harta karun seperti mata wang dirham dan emas di kampung tersebut. Beliau adalah pensyarah Fakulti Pertanian, Universitas Syiah Kuala, Darussalam Banda Aceh.

<sup>39</sup> Ramai dalam kalangan penduduk sekitar Kampung Pande pada hari ini yang membanjiri muara sungai kampung tersebut untuk mendapatkan harta karun berupa sejumlah syiling emas lama. Terdapat juga jumpaan sekeping syiling bersaiz butang baju yang bernilai 350,000 rupiah (RM96) sehingga 800,000 rupiah (RM110) dan paling besar boleh mencapai nilai RM220 sekeping. Sebelum ditemui di Kampung Pande, penemuan awal dilaporkan berlaku pada 11 November 2013 di Kuala Krueng Doy, Kampung Merduati Banda Aceh. Dalam pada itu, sejarawan Aceh, Husaini Ibrahim



Peta 1.3: Tiga daerah atau tempat utama kajian yang ada hubungan dengan Kedah iaitu Kampung Pande, Keudah dan Peulanggahan.<sup>40</sup>

Kampung terakhir yang tidak kurang pentingnya dari sudut sejarah ialah Peulanggahan (Labuhan Haji).<sup>41</sup> Nama tersebut diabadikan kerana kebanyakan ulama pergi menunaikan ibadah haji di Mekah dan mendalami ilmu agama di sana

---

berkata beliau tidak hairan dengan penemuan emas di kawasan berkenaan. Dulu kawasan itu merupakan satu daripada pusat kerajaan Aceh sebelum zaman pemerintahan Kerajaan Aceh Darussalam. Rujuk lampiran 1.

<sup>40</sup> *Kecamatan Kuta Raja Dalam Angka 2011*, diterbitkan oleh Badan Pusat Statistik Kecamatan Kuta Raja. Sumber data statistik ini diperolehi dari katalog BPS 1102001.1171031 iaitu dalam bentuk CD.

<sup>41</sup> Kampung ini terkenal sebagai pusat perkembangan agama Islam terutama kepada orang yang hendak mempelajari selok-belok ibadah haji dan menjadi tumpuan ramai orang dari seluruh Kepulauan Melayu. Kedudukannya yang bersebelahan dengan Kampung Pande iaitu pusat pemerintahan kerajaan dan raja-raja Aceh zaman silam merupakan kawasan yang terbesar dan banyak memiliki makam dan nisan Aceh. Hal ini membuktikan banyak jumpaan harta karun milik kerajaan tersebut di samping tempat tumpuan orang ramai. Husaini menyatakan lagi Kampung Pande adalah kawasan terawal penerimaan Islam dan bertanggungjawab mengembangkan budaya membuat batu nisan Aceh ke kawasan lain di Asia Tenggara.

sebelum balik ke Aceh untuk memantapkan institusi dayah dan pengajian Islam. Aceh secara tidak langsung telah bertindak sebagai pelabuhan haji bagi jemaah haji Melayu yang ingin ke Tanah Suci.<sup>42</sup> Mereka juga menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat transit utama sebelum ke Mekah kerana kedudukan dan pelabuhannya yang strategik di utara. Di era penjajahan Belanda, kebanyakan ulama Aceh ditindas dan ia membawa kepada penghijrahan mereka ke Pulau Pinang dan Kedah. Mereka berhijrah ke sini dengan membawa pengikut masing-masing dengan menetap dan mengembangkan sistem pendidikan Islam seperti sekolah pondok atau dayah.

Kedah sememangnya menjadi pilihan orang Aceh khasnya dalam membina kekuatan diri disebabkan kebersamaan dari sudut geografi dan cara hidup masyarakatnya. Hubungan kedua-dua negeri ini meninggalkan kesan yang besar dalam sejarah dan tamadun di Kedah yang menjadi latar belakang kajian ini.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Pengkajian tentang sejarah negeri Kedah banyak dilakukan namun tidak ada yang spesifik dan lengkap mengenai sejarah hubungan Kedah-Aceh dari sudut sosial, ekonomi dan politik. Justeru itu, kajian mengenai hubungan ini dari pelbagai aspek perlu diperincikan. Hubungan ini unik kerana ia meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia antara kedua-dua buah negeri yang mempunyai identiti budaya atau jati diri masing-masing. Identiti merupakan sesuatu yang dibentuk dan bukan telah terbentuk secara semulajadi (*becoming rather than being*). Peranan Gunung Jerai di tanah besar dan Gunung Raya di Pulau Langkawi menjadi pedoman kepada orang Aceh

---

<sup>42</sup> Omar Farouk Sheikh Ahmad, 1978, “The Arabs In Penang”, *Malaysia In History*, Vol XXI, No. 2, hlm 1.

ketika meninggalkan tanahairnya untuk ke Kedah. Ia menjadi pedoman haluan kapal dan perahu orang Aceh kerana diburu oleh Belanda atau pun desakan ekonomi.<sup>43</sup> Perdagangan antara Aceh dengan negeri-negeri Melayu merupakan perkara rutin bagi mereka. Misalnya Bonney menyatakan perdagangan membuatkan hubungan Aceh dan Semenanjung Tanah Melayu tetap terpelihara.<sup>44</sup>

Pengkajian mengenai hubungan Kedah-Aceh juga menjelaskan bagaimana sesuatu komuniti itu muncul dan berkembang menurut perspektif masing-masing. Tajuk ini diharapkan dapat memberi sumbangan dari sudut keilmuan agar dapat menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang lain. Masyarakat Aceh di Malaysia terutama di Yan, Kedah adalah yang lengkap dari sudut sejarah keturunan iaitu salasilahnya, jati diri yang kuat dan pengekalan identiti akar budaya asal serta dapat menyesuaikannya dengan kehidupan masyarakat tempatan. Malah mereka yang menetap di sini adalah berasal dari seluruh kawasan atau setiap wilayah (propinsi<sup>45</sup>) yang terdapat di Aceh.

Pengkaji berminat untuk meneliti masyarakat Aceh di Kedah khasnya dan Malaysia amnya disebabkan kejayaan komuniti ini mengangkat martabat diri dan antara yang paling awal berhijrah dan menetap di Kedah semenjak abad ke 16 lagi. Mereka adalah perantau yang berjaya membentuk kesatuan sosial yang utuh dalam aspek ekonomi dan politik. Secara langsung mereka berjaya membina identiti dan

<sup>43</sup> Keratan Akhbar *Berita Harian* bertajuk “*Dua Gunung Pedoman Orang-Orang Aceh Ke Kedah...*” Bertarikh 27.12.1974, Arkib Negara Malaysia, KL. (No.SPR: 2001/01059, No.Penerimaan 2001/0026336, diakses pada 27.04.2015). Sebelum merdeka tidak ramai orang yang berketurunan Aceh yang memegang jawatan penting dalam kerajaan. Segelintir dari mereka yang memegang jawatan sebagai guru sekolah Melayu dan guru agama. Hanya beberapa dari mereka yang menjadi hartawan dan selebihnya berniaga kecil-kecilan serta menjadi petani.

<sup>44</sup> Bonney Rollin, 1971, *Kedah, 1771-1821: The Search For Security and Independence*, London: Oxford University Press, hlm 115.

<sup>45</sup> Bermaksud setiap daerah di Aceh terdapat wakilnya yang merantau ke Kedah.

masih mengekalkan jati diri sebagai keturunan Aceh walaupun telah lama berkahwin dan menetap di Kedah khasnya. Seterusnya peranan dan sumbangan penting mereka dalam sejarah tempatan perlu diperjelaskan dengan tepat dan terperinci.<sup>46</sup>

Hubungan Kedah-Aceh lebih tertumpu kepada hal-hal berkaitan keagamaan yang dianggap sebagai perkara utama dalam membincangkan isu-isu dalam hubungan kedua-dua buah negeri. Agama berperanan penting sebagai penyambung keturunan dan tradisi antara kedua buah negeri. Hubungan erat dari aspek sejarah iaitu semangat patriotik yang tinggi untuk mengusir golongan penajah Barat memperkuuhkan ikatan yang sedia ada. Semangat patriotik ini begitu membara pada diri masyarakat Aceh dalam menentang Belanda dan sentimen anti penajah ini untuk menegakkan agama Islam menjadi aspirasi kepada penduduk tempatan.

Apabila membincangkan tentang migrasi maka hubungan ekonomi iaitu perdagangan Kedah-Aceh turut dibincangkan. Hubungan ini terjalin melalui pelabuhan di Kuala Muda, Sungai Merbok yang menjadi salah satu pusat maritim utama, lagipun dahulu Pulau Pinang<sup>47</sup> adalah negeri wilayah Kedah. Pada bulan Ogos 1786, sebanyak lima buah perahu besar Aceh telah berlabuh di pulau itu, dengan muatan lada hitam dan buah pinang.<sup>48</sup> Kedah telah bersetuju untuk membenarkan Francis Light menjalankan aktiviti perdagangan. Pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786 sebagai pelabuhan British telah

<sup>46</sup> Pengkaji telah menemubual beberapa penduduk di Kampung Aceh Yan, Kedah pada Januari 2014 dan mereka berbesar hati apabila saya sudi mendokumentasikan sejarah mereka untuk menjadi rujukan generasi akan datang.

<sup>47</sup> Pedagang Aceh mendapat Pulau Pinang sesuai untuk bermiaga barang seperti lada hitam, cengklik, cili kering, kelapa kering, pinang kering dan minyak nilam serta ternakan binatang dari negerinya. Mereka akhirnya telah menetap di situ sehingga sekarang kawasan ini dikenali sebagai Lebuh Aceh, Masjid Aceh, Jalan Langkawi, Lorong Nyak Abu, Sungai Aceh dan sebagainya.

<sup>48</sup> SSFR, 1786, Vol. 2 (IOL): Bengal Public Consultations, 13 Disember 1786, Appendix 1, Ship Arrived 15 Julai-30 September, t.h. dalam buku Salina Zainol, 2005, *Hubungan Perdagangan Aceh dengan Pulau Pinang*, Universiti Malaya, KL, hlm 5.

merangsangkan perdagangan dengan pelabuhan-pelabuhan tempatan di sekitarnya terutama Aceh. Menurut Tregonning:

*Aceh in particular, and northeast Sumatera in general, reached quickly to the establishment of Penang, the prevailing winds were ideal for them (Achehnese traders) to sail across the straits and to return, and pepper, their chief commodity, was such that the journey was rarely in vain.<sup>49</sup>*

Faktor utama Sultan Mahkota Alam dari Aceh menyerang Kedah pada tahun 1619 ialah untuk melumpuhkan aktiviti penanaman lada hitam di Kedah. Lada hitam merupakan bahan dagangan penting bagi Aceh kerana permintaan yang tinggi dari pedagang Barat dan Islam. Namun Aceh pada permulaan abad ke 17 bukan negeri yang menghasilkan lada hitam yang paling besar.<sup>50</sup> Jumlah rakyatnya yang ramai maka permintaan kepada tanaman makanan melebihi daripada barang pertanian untuk perdagangan. Kedah dan Langkawi pula memberikan saingan sengit sebagai pengeluar lada hitam terbesar ketika itu. Menurut Ismail Saleh, orang zaman itu amat ghairah menanam lada hitam dan lada hitam dari Kedah terutamanya Langkawi ialah yang paling baik sekali di dunia.<sup>51</sup> Pedagang Barat beralih ke Kedah untuk membeli lada seperti kata Beaulieu:<sup>52</sup>

---

<sup>49</sup> K.G. Tregonning, 1965, *The British in Malaya: The First Forty Years 1786-1833*, Tucson: The University of Arizona Press, hlm 111.

<sup>50</sup> Menurut Beaulieu pada tahun 1621 penghasilan lada adalah kecil jumlahnya disebabkan oleh keperluan beras sebagai makanan maka raja memerintahkan agar dicabut kesemua pokok lada untuk menanam padi. Rujuk Denys Lombard, 2008, *Kerajaan Aceh Zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*, terjemahan oleh Winarsih Arifin, Kepustakaan Populer Gramedia (KPG), Jakarta, hlm 101.

<sup>51</sup> Ismail Hj.Saleh, *Siputih Kedah Tua*, Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, (tanpa tahun), hlm 4.

<sup>52</sup> Augustin de Beaulieu lahir di Rouen pada tahun 1589 berbangsa Perancis merupakan pelaut yang handal dan pedagang yang bijak.

“Lalu ia ke Kedah minta izin kepada sultan untuk mengadakan pembelian; dilihatnya bahawa di sana pun tumbuh tanaman lada, bukan main indahnya, meskipun kurang banyak jumlahnya. Dalam hubungan inilah ia memberi pemerian panjang tentang tanaman lada dan pemeliharaannya: “Kembali ke lada tadi, tumbuhnya di tanah yang baru dibuka dan yang gemuk; di negeri ini lada ditanam pada kaki segala macam pohon, dan pohon itu yang dililiti dan dijalarinya.”<sup>53</sup>

Selepas Aceh menyerang Kedah pada tahun 1619, sekali lagi Beaulieu singgah ke Pulau Langkawi dan negeri Kedah untuk mendapatkan lada iaitu bulan Oktober 1621. Beaulieu menjelaskan:

“Lada tidak dapat ditemui lagi... Rakyat negeri Kedah dan pulau itu demikian takutnya sehingga tiap kali ada kapal layar mendekati, mereka melarikan diri sampai ke puncak pergunungan, kerana menyangkakan bahawa semua orang yang mendarat di negeri mereka adalah orang Aceh dan sekutunya.”<sup>54</sup>

Pada tahun yang sama Beaulieu menyimpulkan mengenai orang Kedah sebagai:

“Penduduk tanah ini adalah orang Melayu, tetapi mereka tidak sekejam dan sejahter orang Aceh; pakaian mereka hampir sama, tetapi tidak mewah. Mereka beragama Islam dan taat sekali. Cara hidup dan adat istiadat mereka tidak jauh berbeza dari kebiasaan orang Aceh”.<sup>55</sup>

Adat, budaya dan cara hidup yang hampir sama orang Aceh dengan Melayu Kedah membolehkan mereka dengan mudah dapat menyesuaikan diri di negeri Kedah. Mereka kemudiannya menjadi peniaga yang rajin dan bergiat dalam

<sup>53</sup>Denys Lombard, 2008, *Kerajaan Aceh Zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*, terjemahan oleh Winarsih Arifin, Kepustakaan Populer Gramedia (KPG), Jakarta, hlm 102.

<sup>54</sup> Denys Lombard, 1981, Kunjungan Laksamana Perancis De Beaulieu Ke Aceh Pada Tahun 1621, dalam Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawah Quran Peringkat Nasional Ke 12, *Dari Sini Ia Berseri*, penerbitan Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, hlm 46-47.

<sup>55</sup> *Ibid*, hlm 47.

penanaman lada juga pelbagai jenis perniagaan. Jenis perniagaan lain ialah aktiviti pertukangan, perniagaan kopiah di Pekan Rabu, Alor Setar, penenun kain, membuka hotel dan sebagainya. Mereka berupaya membina legasi perniagaan berdasarkan identiti dan kepakaran masing-masing di Malaysia.

Selain itu, proses asimilasi juga berlaku antara orang Aceh dengan masyarakat Melayu tempatan. Misalnya semasa peringkat awal penghijrahan mereka, semangat keacehan amat tinggi dan perasaan kekitaan sukar digugat. Walaupun hubungan yang rapat dan mesra antara orang Aceh dengan orang Melayu tempatan wujud sejak dahulu namun dari segi perkahwinan, jarang berlaku perkahwinan campur antara perempuan Aceh dengan lelaki Melayu atau sebaliknya. Mereka lebih tertumpu untuk berkahwin sesama orang Aceh dan untuk membaiki rumah yang rosak pun tukang-tukang dari Aceh telah dibawa masuk ke Kedah.<sup>56</sup> Proses asimilasi<sup>57</sup> yang berlaku dan perkembangan globalisasi menyebabkan situasi tersebut telah longgar dan bermakna budaya keacehan semakin terhakis sedikit demi sedikit.

Perkembangan sistem pendidikan nasional dan perubahan zaman memperlihatkan hubungan sesama kaum dapat dipereratkan termasuklah melalui

---

<sup>56</sup> Temubual pengkaji pada 2009 dengan isteri Ketua Kampung Aceh di Yan yang menggunakan khidmat pertukangan dari Aceh untuk mengubahsuai dan membesarakan rumah beliau. Kini rumah tradisi Aceh masih dikekalkan sebagai monumen sejarah penting bagi negeri Kedah. Beliau juga menceritakan bapanya juga mempunyai isteri di Aceh sebelum berkahwin dengan ibunya di Kedah. Hubungan persaudaraan antara adik-beradik ini kekal rapat sehingga kini.

<sup>57</sup> Anak-anak berketurunan Aceh di Malaysia sebahagian besar telah meninggalkan sebutan “nyak” di awal namanya yang merupakan identiti keacehan, begitu juga gelaran bagi perantau lain iaitu “daeng” yang berketurunan Bugis. Sedikit demi sedikit budaya orang yang berketurunan Aceh semakin melebur dalam masyarakat setempat walaupun masih ada yang boleh berbahasa Aceh dalam kalangan keluarganya. Proses asimilasi ini bermula sedikit demi sedikit selepas Malaysia merdeka pada tahun 1957 maka tuntutan untuk melanjutkan pelajaran dan mencari pekerjaan serta perkahwinan menyebabkan identiti orang berketurunan Aceh tidak boleh dibezakan dengan masyarakat setempat.

institusi perkahwinan. Jurang dan semangat perkauman antara rakyat berjaya dibendung dan dapat diatasi. Interaksi budaya Aceh dengan masyarakat tempatan berlaku dengan baik dan telah mengurangkan jurang perbezaan antara mereka. Walaupun begitu, komuniti Aceh juga berjaya mengekalkan identiti akar budayanya terutama dari segi bahasa,<sup>58</sup> masakan, pakaian (baju pengantin dalam upacara perkahwinan terutamanya) dan cara hidup mereka sehingga kini.

Selain itu, penerimaan masyarakat tempatan terhadap komuniti ini juga berbeza kerana persepsi setiap orang adalah tidak sama antara seorang individu dengan individu yang lain. Hal ini disebabkan manusia itu tidak sempurna dan ada yang membawa kepada masalah sosial sehingga sanggup menipu dan memanipulasi.<sup>59</sup> Walaupun begitu secara keseluruhannya kebanyakan masyarakat di sekitarnya jarang mempunyai sentimen yang buruk kerana mereka melihat kekuatan dari segi agama Islam dan Melayunya. Orang Aceh dianggap Melayu (Nusantara) dan senang untuk bersatu. Pandangan dunia (*world-view*) masyarakat Aceh terhadap masyarakat tempatan dan sebaliknya juga berbeza.<sup>60</sup> Namun Aceh memberi sumbangaan besar terhadap nilai Melayu itu sendiri apabila berupaya maju dalam aspek adat, budaya dan perkembangan intelektual silam.

---

<sup>58</sup> Bahasa Aceh Besar digunakan dalam pertuturan dan penulisan di Kampung Aceh secara meluas dan anak-anak kecil boleh menguasainya. Malah orang Aceh dari seberang juga kagum melihat penerusan pengekalan bahasanya berbanding di negeri Aceh yang kebanyakannya menggunakan bahasa Indonesia dalam pertuturan seharian. Menurut Haji Malik Md Taib, beliau pernah dikunjungi oleh seorang penulis dari Belanda yang sedang membuat PhD ke rumah beliau untuk membuat kajian mengenai struktur dan bahasa Aceh yang dianggap paling lengkap dan digunakan di Kampung Aceh, Yan Kedah.

<sup>59</sup> Temubual pengkaji pada November 2012 ke atas masyarakat tempatan iaitu golongan muda yang terpelajar sekitar daerah Yan menyatakan terdapat penipuan semasa meletakkan nama dalam geran tanah dari aspek pembahagian (lokasi) dan keluasan antara pemilik, hal ini disebabkan terdapat dalam kalangan orang Aceh yang bekerja di pejabat tanah dan perkhidmatan mereka sering digunakan oleh orang Melayu tempatan.

<sup>60</sup> Andaya Leonard Y, 2001, *Aceh's Contribution To Standards Of Malayness*, Archipel. Vol. 61, Paris, hlm 29-68. Rujuk [http://www.persee.fr/doc/arch\\_0044-8613\\_2001\\_num\\_61\\_1\\_3612](http://www.persee.fr/doc/arch_0044-8613_2001_num_61_1_3612) (Diakses pada 27 Januari 2017).

Seterusnya ramai dalam kalangan masyarakat berketurunan Aceh telah berjaya dalam kehidupan sehingga menjawat jawatan penting dalam kerajaan dan memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dan negara. Kejayaan mereka menjadi satu inspirasi iaitu tentang bagaimana ketabahan, keazaman dan usaha yang telah dilaksanakan. Mereka berjaya memiliki aset yang besar, keilmuan yang tinggi dan nilai-nilai kerohanian<sup>61</sup> yang utuh. Mereka juga melalui usaha dan kerjasama dalam aspek tenaga dan wang ringgit telah memastikan tanah-tanah wakaf diuruskan dengan baik. Misalnya bangunan-bangunan bekas sekolah pondok dahulu telah diberikan kepada orang ramai untuk melaksanakan kegiatan pendidikan tanpa mengenakan sewa. Wang ringgit (sedekah) dan tenaga juga dikeluarkan untuk melabur dalam pelbagai jenis perniagaan supaya hasilnya dapat dinikmati bersama.<sup>62</sup>

Munculnya tokoh-tokoh penting dari rumpun masyarakat Aceh telah membantu membangun dan memajukan masyarakat dan negara seperti Tan Sri Dato' Sri Sanusi Junid yang pernah menjadi Menteri Besar Kedah (1996-1999). Beliau merupakan di antara tokoh penting yang perlu ditonjolkan untuk membuktikan kejayaan komuniti Aceh dan paling utama, masyarakat setempat bersatu dalam membangunkan Yan dan Kedah amnya. Penulis juga berkesempatan menemubual orang Aceh di Aceh yang masih mempunyai pertalian darah dan perhubungan dengan saudara maranya yang menetap di Kedah dan Malaysia khasnya. Hubungan erat ini memberi sumbangan dari segi ekonomi terhadap saudaranya di Aceh. Orang

---

<sup>61</sup> Temubual pengkaji pada Mac 2010 dengan Cikgu Abdul Rahman, beliau memberitahu mereka menjaga dengan baik tanah-tanah wakaf nenek moyang dengan penuh amanah agar perlanjutan usaha dapat memberikan pahala dan faedah kepada semua orang baik yang telah meninggal dunia atau pun masih hidup.

<sup>62</sup> Terdapat tanah wakaf yang diusahakan menjadi *homestay* dan dananya diperolehi melalui kutipan wang dari komuniti mereka. Ia dibangunkan (contohnya Kampung Aceh Management Centre (KAMC)) dan keuntungan dibahagi menurut peratus wang yang dikeluarkan oleh setiap individu terbabit. Misalnya jika seseorang melabur RM2000.00 untuk pembinaan *homestay* maka dia mendapat 20% hasil keuntungannya, lagi banyak ia melabur semakin tinggi keuntungannya.